

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M) 2017

A. SEMAKAN STATUS

1. S: Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status BR1M 2017?

J: Semakan status BR1M 2017 boleh dibuat di:

- i. Portal Rasmi BR1M LHDNM, <https://ebr1m.hasil.gov.my> dengan memilih menu Semakan Status BR1M 2017;
- ii. Aplikasi Semakan BR1M dengan memuat turun di *Play Store / App Store* pada telefon bimbit;
- iii. LHDNM: 1-800-88-2716;
- iv. MoF: 03-8882 4565 / 4566; atau
- v. LHDNM yang berhampiran.

2. S: Saya telah gagal menjawab soalan keselamatan bagi semakan status BR1M 2017, apa yang perlu saya lakukan?

J: Tuan perlu hadir ke LHDNM yang berhampiran ataupun menghubungi talian 1-800-88-2716 untuk set semula soalan keselamatan e-BR1M.

3. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status PERMOHONAN DITERIMA?

J: PERMOHONAN DITERIMA ialah permohonan tuan telah didaftarkan bagi BR1M 2017 dan belum melalui proses semakan dan verifikasi kelayakan.

4. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status PERMOHONAN DALAM PROSES?

J: PERMOHONAN DALAM PROSES ialah permohonan tuan sedang dalam tindakan proses semakan dan verifikasi kelayakan. Kelulusan permohonan tuan hanya akan diketahui bermula pada awal Mac 2017.

5. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status PERMOHONAN DITANGGUHKAN?

J: PERMOHONAN DITANGGUHKAN ialah permohonan yang **belum didaftarkan bagi BR1M 2017** kerana tuan tidak mengemas kini maklumat BR1M dari BR1M 2014 hingga BR1M 2016.

Surat makluman akan dikeluarkan agar tuan mengemas kini maklumat permohonan dengan menggunakan Borang Rayuan / Kemas Kini BR1M 2017 (BK-07) di LHDNM dalam tempoh rayuan BR1M 2017 bermula **03 April sehingga 31 Mei 2017**. Kegagalan tuan untuk membuat permohonan BR1M 2017 akan menyebabkan permohonan **TIDAK LAYAK**.